

Peralihan kuasa tak langkau ruang lingkup Perlembagaan

BA-25/2/2020 m/s: 7

Prof Dr
Nik Ahmad
Kamal Nik
Mahmood



Pakar Undang-Undang dan
Perlembagaan, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia

Pelbagai tanda tanya menyelubungi kebanyakan rakyat Malaysia kelmarin, susulan mesyuarat membabitkan beberapa kumpulan daripada parti politik kerajaan dan pembangkang di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Pelbagai spekulasi timbul menjerus kemungkinan berlaku pertukaran kerajaan, dengan Perdana Menteri akan mendapat mandat baharu daripada komposisi parti politik pembangkang.

Sebelah petang pula, ada berita mengenai sejumlah kereta rasmi menteri dan pemimpin pembangkang menuju ke Istana Negara.

Persoalan timbul bagaimana pertukaran kerajaan boleh ber-

laku tanpa didahului satu pilihan raya umum (PRU)? Yang jelas selepas PRU, pemimpin parti yang menang akan dilantik sebagai Perdana Menteri.

Perkara 43(2)(a) antara lain memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) hendaklah terlebih dahulu melantik Perdana Menteri dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang pada hemahnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli itu.

Seterusnya, Perdana Menteri akan menasihatkan YDPA untuk melantik anggota Jemaah Menteri.

Jika berlaku keadaan di mana Perdana Menteri hilang kepercayaan majoriti di Dewan Rakyat, Perkara 48(4) antara lain menyatakan beliau hendaklah meletak jawatan bersama Kabinetnya, melainkan jika atas permintaannya YDPA membubarkan Parlimen.

Dibaca dengan Perkara 40(2)(b), YDPA mempunyai budi bicara sama ada untuk memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen. Ini bermakna jika Perdana Menteri hilang kepercayaan majoriti dan meminta YDPA membubarkan Parlimen, tetapi bagin-

da enggan, maka Perdana Menteri dan Kabinetnya mesti meletakkan jawatan.

Selepas itu YDPA boleh melantik Perdana Menteri baharu yang melepasi ujian Perkara 43(2)(a) seperti disebut di atas.

Bagaimana pula pertukaran kerajaan boleh berlaku secara berperlembagaan jika tidak ada unsur Perdana Menteri hilang kepercayaan di Parlimen. Perkara ini sedang hangat sekarang.

Perdana Menteri dikatakan mahu mewujudkan kerajaan baharu tanpa parti tertentu di dalamnya. Beliau akan menghadap YDPA dan mengemukakan senarai Ahli Dewan Rakyat yang menyokongnya sebagai Perdana Menteri sebagai kepercayaan majoriti terhadap beliau.

Daripada cerita berkisar di media, sejumlah ahli Dewan Rakyat sudah menandatangani perisytiharan bersumpah (SD) yang menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri. Senario ini tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Namun, bertitik tolak peruntukan Perkara 43 di atas, apa yang penting ialah YDPA perlu melihat sama ada Perdana Menteri mem-

punyai kepercayaan majoriti di Parlimen.

Jika ada bukti jelas, maka YDPA boleh melantik Perdana Menteri yang disokong oleh komposisi ahli Dewan Rakyat yang berlainan daripada komposisi ahli Dewan Rakyat selepas PRU lalu.

Bagaimana pula keadaannya jika Perdana Menteri meletak jawatan, walaupun beliau tidak hilang kepercayaan majoriti di Dewan Rakyat?

Ini yang berlaku petang semalam apabila Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri. Peruntukan Perkara 48 tidak terpakai. Lantas jawatan itu kosong dan perlu diisi segera.

Adakah Timbalan Perdana Menteri secara automatik mengambil alih jawatan Perdana Menteri? Tiada peruntukan jelas sama ada Timbalan Perdana Menteri boleh mengambil alih tugas jika Perdana Menteri di luar negara atau meletak jawatan.

Jika boleh seorang Timbalan Perdana Menteri menjalankan kuasa Perdana Menteri, apakah ruang lingkup kuasanya? Ini tidak begitu jelas.

Namun terdapat undang-un-

yang dipanggil Ministerial Functions Act 1969 yang memperuntukkan kuasa kepada YDPA untuk memberi kuasa tertentu kepada seorang menteri dan termasuk kuasa yang dijalankan menteri lain.

Sama ada undang-undang ini boleh memberi ruang kepada Timbalan Perdana Menteri menjalankan tugas Perdana Menteri sepenuhnya, masih belum begitu jelas.

Konteks lebih penting ialah bagaimana seharusnya kekosongan jawatan diisi. YDPA boleh meminta parti politik mengemukakan calon Perdana Menteri dengan menunjukkan beliau mempunyai kepercayaan majoriti di Parlimen.

Jika tiada calon layak, cara terbaik ialah YDPA membubarkan Parlimen. Peruntukan pembubaran Parlimen di bawah Perkara 48 berkaitan dengan Perdana Menteri yang hilang kepercayaan majoriti di Parlimen.

Namun, dalam keadaan Perdana Menteri yang meletak jawatan secara sukarela, pembubaran Parlimen boleh dilakukan kerana keperluan mewujudkan kerajaan yang berfungsi.